



11 AUG, 2025

DASAR PROAKTIF DORONG TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

Utusan Malaysia, Malaysia



DASAR PROAKTIF DORONG TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Prospek sektor utiliti dan tenaga boleh diperbaharui (RE) diunjur positif didorong dasar kerajaan serta gelombang inisiatif infrastruktur baharu, kata MBSB Research.

Katanya, dengan sasaran peralihan tenaga di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang menetapkan campuran tenaga boleh diperbaharui sebanyak 70 peratus menjelang 2050, momentum dijangka terus meningkat menerusi pelaburan awam dan swasta.

"Kami melihat solar kekal sebagai enjin pertumbuhan untuk beberapa tahun akan datang, yang akan memberi manfaat kepada syarikat kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC)," katanya dalam satu nota kajian.

MBSB Research menekankan, kerajaan sedang bersedia untuk melancarkan program solar berskala besar kelima (LSS5), yang dikenali sebagai LSS Petra

"KAMI MELIHAT SOLAR KEKAL SEBAGAI ENJIN PERTUMBUHAN UNTUK BEBERAPA TAHUN AKAN DATANG, YANG AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA SYARIKAT KEJURUTERAAN, PEMEROLEHAN, PEMBINAAN DAN PENTAULIAHAN (EPCC)."

5+, pada separuh kedua tahun kewangan 2025.

Program itu akan memperkenalkan kapasiti tambahan sebanyak dua gigawatt (GW) menerusi projek solar berasaskan darat dan solar terapung.

"Selepas itu, kami menjangkakan Suruhanjaya Tenaga (ST) akan mengumumkan pembukaan bidaan bagi LSS6, yang berkemungkinan akan memperkenalkan tambahan 2GW

kapasiti solar dengan keperluan sistem penyimpanan tenaga bateri (BESS)," katanya.

Firma penyelidikan itu berkata, pertumbuhan kumulatif tenaga solar yang dijangkakan telah digambarkan sebagai signifikan.

"Kami sebelum ini menganggarkan tenaga solar akan menjadi semakin dominan, merangkumi 25 peratus, 39 peratus, 52 peratus, 58 peratus daripada campuran kapasiti pada tahun 2035, 2040, 2045, 2050 masing-masing, dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) sebanyak 14 peratus antara 2025 hingga 2050," katanya.

Selain tenaga solar, kapasiti

penjanaan elektrik berasaskan gas di Malaysia turut menerima suntikan baharu.

Permintaan untuk cadangan (RFP) yang dilancarkan baharu ini bagi loji janakuasa gas baharu bertujuan menyediakan sekitar lapan gigawatt (GW) kapasiti melalui dua saluran iaitu lanjutan perjanjian pembelian tenaga (PPA) yang akan tamat tempoh dan pembangunan loji baharu.

"Permintaan RFP terkini bagi kapasiti penjanaan kuasa gas baharu juga merupakan pemangkin positif untuk sektor ini.

"Kami menjangkakan penge-

luan kuasa bebas seperti Malakoff Corp Bhd. dan YTL Power International Bhd. akan menjadi antara calon utama bagi skim baharu ini.

"Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan menjadi penerima manfaat utama dalam pemilihan aset hasil daripada peluasan kapasiti tenaga boleh diperbaharui dan pelaburan naik taraf grid," katanya.



SOLAR kekal sebagai enjin pertumbuhan untuk beberapa tahun akan datang.